

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ
IKLAN JAWATAN KOSONG PELANTIKAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ TAHUN 2024

Jabatan Sumber Manusia ingin mempelawa kakitangan atau warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited serta berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz seperti di berikut:

KUMPULAN PELAKSANA	
JAWATAN	: PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN
GRED GAJI	: U11
Gaji Minimum - Maksimum	: RM 1,204.00 – RM 3,001.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	: RM300.00
Elaun Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)	: RM350.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	: RM 95.00
TARAF JAWATAN	: TETAP
SYARAT LANTIKAN	
1.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred U11: RM1,204.00); atau
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	
2.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
KELAYAKAN AKADEMIK	
3.	Penilaian Menengah Rendah (PMR) (dilaksanakan mulai 1993) Calon yang memiliki keputusan PMR seperti berikut adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PMR/SRP iaitu: (a) memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'D' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik; dan (b) bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan Kepujian dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Melayu, calon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan.
4.	Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) (dilaksanakan mulai 2014) Calon yang memiliki kelayakan PT3 seperti berikut adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PT3/PMR iaitu: (a) memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'E' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik; dan (b) bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan 'kepujian' dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, calon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan.

CARA MEMOHON (PELANTIKAN):

1. Sila layari laman web UKM <https://smk.ukm.my/sppi/mukadepan.cfm> bagi membuat permohonan secara atas talian.
2. Calon-calun **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk Ujian Tapisan Kompetensi HCTM dan temuduga.
3. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **Kakitangan bertaraf KONTRAK** sedia ada adalah digalakkan untuk memohon.

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI;

Jabatan Sumber Manusia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar
Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Urusetia (Unit Perjawatan & Kenaikan Pangkat)

Tel : 03-9145 5166

Emel : ejawatan@hctm.ukm.edu.my

Tarikh Buka Iklan : 22 Oktober 2024

Tarikh Tutup Iklan : 29 Oktober 2024